



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN

SECRETARY GENERAL OF TREASURY

Kementerian Kewangan Malaysia

Ministry of Finance Malaysia

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333

Faks : 603-8882 4224

Telex : FEDTRY MA 30242

Web : www.mof.gov.my

MOF.DS(S)600-40/3/3(35)

12 April 2022

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Jabatan Persekutuan**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI *CONTRACT FOR SERVICE* TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 5 April 2022, Kerajaan bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2022 (BKKA 2022) kepada individu *Contract For Service* (CFS) yang disetarakan pada gred 56 dan ke bawah sebanyak RM500.00. Sehubungan itu, semua individu CFS yang masih berkhidmat pada 25 April 2022 layak menerima BKKA 2022.

3. Selain itu, pesara Perkhidmatan Awam dan veteran yang dilantik semula secara CFS dan masih berkhidmat pada 25 April 2022 layak menerima BKKA 2022 pada kadar RM500.00.

4. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada:

- i. Individu CFS yang ditamatkan kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022; dan
- ii. Individu CFS yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 25 April 2022.

5. BKKA 2022 akan dibayar pada **25 April 2022** di bawah tanggungan Kementerian/ Jabatan di mana individu CFS berkhidmat pada tarikh pembayaran.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia